



14 Mei 2012
14 May 2012
P.U. (A) 135

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS
DEPOSIT MALAYSIA (CAJ LAMPAU TEMPOH) 2012

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(OVERDUE CHARGES) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(CAJ LAMPAU TEMPOH) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 52, 76 dan 209 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Caj Lampau Tempoh) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2011.

Caj lampau tempoh berkenaan dengan anggota penerima deposit

2. Jika mana-mana premium atau surcaj premium yang terhutang dan kena dibayar di bawah seksyen 47, 48 atau 51 belum dibayar oleh anggota penerima deposit pada tarikh kena dibayar, premium atau surcaj premium yang belum dibayar itu hendaklah, tanpa penyampaian notis lanjutan kepada anggota penerima deposit itu, dinaikkan ke suatu jumlah wang yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) setahun daripada premium atau surcaj premium yang terhutang itu, dikira atas jumlah hari yang sebenarnya berlalu dan atas dasar tahun tiga ratus enam puluh lima hari (365) dan jumlah wang itu boleh didapatkan seolah-olah jumlah itu ialah premium atau surcaj premium yang terhutang dan kena dibayar di bawah Akta.

Caj lampau tempoh berkenaan dengan anggota penanggung insurans

3. Jika mana-mana premium atau surcaj premium yang terhutang dan kena dibayar di bawah seksyen 71, 72 atau 75 belum dibayar oleh anggota penanggung insurans pada tarikh kena dibayar, premium atau surcaj premium yang belum dibayar itu hendaklah, tanpa penyampaian notis lanjutan kepada anggota penanggung insurans itu, dinaikkan ke suatu jumlah wang yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) setahun daripada premium atau surcaj premium yang belum dibayar itu, dikira atas jumlah hari

yang sebenarnya berlalu dan atas dasar tahun tiga ratus enam puluh lima hari (365) dan jumlah wang itu boleh didapatkan seolah-olah jumlah itu ialah premium atau surcaj premium yang terhutang dan kena dibayar di bawah Akta.

Pembatalan

4. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Caj Lampau Tempoh) 2006 [*P.U. (A) 131/2006*] dibatalkan.

Dibuat 20 April 2012
[PIDM/PN/7/2011; PN(PU2)689/II]

TAN SRI DATUK DR. ABDUL SAMAD HAJI ALIAS
Pengerusi
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Diluluskan 2 Mei 2012
[KK/BPKA/K2/(S)/382/342/3-1; PN(PU2)689/II]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat menurut subseksyen 209(4) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011]

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (OVERDUE CHARGES)
REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by sections 52, 76 and 209 of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [Act 720], the Corporation, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Overdue Charges) Regulations 2012**.

(2) These Regulations shall have effect from the assessment year of 2011.

Overdue charges in respect of deposit-taking members

2. Where any premium or premium surcharge due and payable under section 47, 48 or 51 has not been paid by a deposit-taking member on a due date, the unpaid premium or premium surcharge shall, without further notice being served on the deposit-taking member, be increased by a sum equal to ten per cent (10%) per annum of the premium or premium surcharge so unpaid, calculated on the actual number of days elapsed and on the basis of a three hundred and sixty five (365) day year and that sum shall be recoverable as if it was premium or premium surcharge due and payable under the Act.

Overdue charges in respect of insurer members

3. Where any premium or premium surcharge due and payable under section 71, 72 or 75 has not been paid by an insurer member on a due date, the unpaid premium or premium surcharge shall, without further notice being served on the insurer member, be increased by a sum equal to ten per cent (10%) per annum of the premium or premium surcharge so unpaid, calculated on the actual number of days elapsed and on the basis of a three hundred and sixty five (365) day year and that sum shall be recoverable as if it was premium or premium surcharge due and payable under the Act.

Revocation

4. The Malaysia Deposit Insurance Corporation (Overdue Charges) Regulations 2006 [*P.U. (A) 131/2006*] are revoked.

Made 20 April 2012
[PIDM/PN/7/2011; PN(PU2)689/II]

TAN SRI DATUK DR. ABDUL SAMAD HAJI ALIAS
Chairman
Malaysia Deposit Insurance Corporation

Approved 2 May 2012
[KK/BPKA/K2/(S)/382/342/3-1; PN(PU2)689/II]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 209(4) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011]